

Nama : PERHIMPUNAN BULANAN IPL BAGI BULAN OKTOBER 2017 DAN MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) JABATAN LAUT MALAYSIA BERSAMA SPRM BERSAMA PEGAWAI DAN KAKITANGAN IBU PEJABAT LAUT MALAYSIA

Tarikh : 23 OKTOBER 2017

Tempat : AUDITORIUM IPL

Anjuran : IBU PEJABAT LAUT

Ringkasan Program: Berbagai isu dan amanat diberikan oleh YBhg Dato Ketua Pengarah Laut dan pada hari tersebut juga di adakan Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Jabatan Laut Malaysia Bersama SPRM.

AMANAT YBHG. DATO' KETUA PENGARAH LAUT DI MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN, IBU PEJABAT LAUT UNTUK BULAN OKTOBER 2017 YANG TELAH DIADAKAN PADA 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)

1. YBhg. Dato' KP memaklumkan bahawa perhimpunan bulanan pada kali ini turut disertai oleh Pengarah-Pengarah Wilayah kerana Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) akan diadakan selepas perhimpunan ini. IBR merupakan komitmen kita untuk membentaras jenayah rasuah dan salah guna kuasa di JLM. Majlis ini merupakan kesinambungan daripada majlis yang telah diadakan di MOT pada 15 Ogos 2017 yang lalu. Selepas daripada majlis IBR pada hari ini, Pengarah-Pengarah Wilayah dikehendaki mengadakannya pula kepada pegawai/kakitangan di bawah seliaan mereka di wilayah masing-masing.
2. YBhg. Dato' KP juga merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak khususnya Bahagian Keselamatan Pelayaran dan juga Jabatan Laut Wilayah Sabah kerana telah berjaya menganjurkan Mesyuarat *Cooperative Mechanism* pada 2 hingga 6 Oktober 2017 di Kota Kinabalu, Sabah. Tahniah juga kepada Institut Latihan Pengangkutan Laut (ILPL) telah berjaya menganjurkan Kursus Operator VTS bagi Negara-Negara ASEAN. Kursus tersebut telah berjalan selama tiga (3) bulan mulai Julai 2017 dan telah berakhir pada 20 Oktober 2017 yang lalu. Seramai 18 orang peserta daripada sembilan (9) buah negara ASEAN telah menyertainya dan kursus itu akan dijadikan sebagai kursus tahunan di ILPL.
3. Semua warga JLM adalah diperingatkan supaya mematuhi tarikh-tarikh pelaksanaan Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2017 dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 2017. Tarikh mengisi SKT oleh Pegawai Yang Dinilai (PYD) ialah mulai 23 Oktober 2017 hingga 12 November 2017; Pegawai Penilai Pertama (PPP) hendaklah mengesahkan SKT mulai 13 November 2017 hingga 3 Disember 2017. Manakala untuk LNPT pula, PYD mengisinya mulai 23 Oktober 2017 hingga 12 November 2017, PPP mulai 13 November 2017 hingga 3 Disember 2017 dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) pula mulai 4 Disember 2017 hingga 24 Disember 2017. Sekiranya semula berjalan

lancar, Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) akan mula bermesyuarat pada bulan Januari 2018.

4. Warga JLM adalah diperingatkan supaya mendapatkan kelulusan daripada Ketua Jabatan sekiranya ingin menjalankan kerja sambilan untuk menambah pendapatan keluarga. Mereka yang berkenaan perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Perintah Am seperti melaksanakan tugas sambilan di luar waktu bertugas dan kerja itu pula tidak bercanggah tugas hakiki mereka.
5. Sesi persidangan parlimen akan bermula pada hari ini. Sehubungan dengan itu, semua pegawai yang telah dilantik untuk bertugas perlulah bersiap sedia dengan soalan-soalan yang akan dikemukakan. Disamping itu, Jabatan Laut Wilayah pula hendaklah memberi input yang diperlukan supaya jawapan yang diberikan adalah tepat dan kemaskini.



YBhg Dato Hj Baharin sedang menandatangani Ikrar bebas rasuah



Semua Pengurusan Tertinggi Pengarah wilayah Jabatan Laut sedang menandatangani Ikrar bebas rasuah



Ikrar oleh kakitangan Ibu Pejabat Laut